

PENILAIAN SISTEM PENGURUSAN BERPUSAT BAGI PROJEK FERTIGASI DI KAMPUNG PELA, AJIL, HULU TERENGGANU



**BAHAGIAN PERANCANGAN DAN ICT
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**

KANDUNGAN



Tujuan Laporan

Objektif Penilaian

Metodologi Penilaian

Objektif Sistem Pengurusan Projek

Temuan Penilaian

Peranan Jabatan Pertanian

Cadangan Penambahbaikan

Rumusan

Way Forward

Penutup

TUJUAN LAPORAN

- 1) Mengemukakan temuan penilaian pengurusan Projek Pertanian Pela
- 2) Mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap sistem pengurusan projek
- 3) Menjadikan sistem ini sebagai model bagi pelaksanaan projek-projek pertanian di bawah Jabatan Pertanian

OBJEKTIF PENILAIAN

OBJEKTIF 1:

Menilai keberkesanan sistem pengurusan berpusat yang diamalkan dalam meningkatkan pengeluaran dan pendapatan peserta

METODOLOGI PENILAIAN

- 1) Penilaian dilaksanakan secara temubual bersama ahli lembaga pengurusan projek dan pegawai-pegawai di Jabatan Pertanian Daerah Hulu Terengganu.
- 2) Penilaian ke atas 8 orang responden dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik berstruktur dan tinjauan ke lokasi projek responden.
- 3) Analisis data menggunakan SPSS

OBJEKTIF SISTEM PENGURUSAN PROJEK

1

Membangunkan projek kelompok dengan sistem pengurusan berpusat









2

Memastikan pengeluaran hasil yang berterusan dan memberi pulangan yang baik kepada peserta

3

Meningkatkan pendapatan peserta kepada RM1,000/bulan

TEMUAN PENILAIAN

-  Latar Belakang Projek
-  Kaedah Pelaksanaan Projek
-  Kriteria Pemilihan Peserta
-  Peranan Ahli Lembaga
-  Kekuatan Projek
-  Pencapaian Projek
-  Isu/Masalah Pelaksanaan & Cadangan penambahbaikan
-  Keberkesanan Pelaksanaan Projek

A) LATAR BELAKANG PROJEK

Tahun Mula Projek	: 2006
Tahun penubuhan syarikat	: Julai 2008
Ahli Lembaga	
i. Pengurus	: Encik Wahab bin Mat Uyob
ii. Pen. Pengurus	: Encik Sumani bin Mohamad
iii. Setiausaha	: Encik Radzali bin Jusoh
Jenis Tanaman	: Rock Melon, Timun
Bil. Peserta	: 9 orang (<i>sehingga 2012</i>)
Kategori Peserta	: Bimbingan Jabatan
Sasaran pendapatan	: RM1,000 sebulan (pendapatan minimum)

B) KAEDAH PELAKSANAAN PROJEK

PERINGKAT 1

1. Kos Pembangunan Projek (SPH)
2. Modal Permulaan



INSENTIF
DARIPADA
KERAJAAN

PERINGKAT 2

1. Modal pusingan dikeluarkan oleh peserta
2. Melantik syarikat konsultan bagi mengurus pembelian input /rekod kewangan peserta namun dikenakan kos pengurusan yang tinggi.
3. Sistem pengurusan berpusat (syarikat) diwujudkan bagi mengatasi masalah kos pengurusan di samping menguruskan:
 - i. Modal pusingan peserta
 - ii. Program pemasaran
 - iii. Metrik pengeluaran
4. Syarikat ditubuhkan atas nama 'Pela Agro Management & Services' dan diuruskan oleh ahli lembaga syarikat yang dilantik dari kalangan peserta.
5. Jabatan Pertanian bertindak sebagai penyelaras dan penasihat dalam pelaksanaan projek oleh peserta.

C) KRITERIA PEMILIHAN PESERTA

- 1 Kesanggupan mengeluarkan modal pusingan
- 2 Minat dan komitmen yang tinggi
- 3 Berkemampuan menguruskan projek
- 4 Bersetuju dengan syarat-syarat ditetapkan oleh syarikat
- 5 Peserta merupakan penduduk tempatan di sekitar kawasan projek

D) PERANAN AHLI LEMBAGA

- 1) Menguruskan wang modal pusingan daripada peserta
- 2) Merancang gerak kerja pelaksanaan projek
- 3) Menguruskan pembelian input peserta
- 4) Mengurus rekod ladang peserta
- 5) Menyediakan rekod penyata perbelanjaan dan pendapatan peserta

E) KEKUATAN PROJEK

1 Sokongan teknikal daripada Jabatan Pertanian

2 Sistem pengurusan yang terancang dan berpusat

3 Integriti ahli lembaga syarikat

4 Komitmen dan kerjasama antara peserta, ahli lembaga dengan pihak Jabatan serta bersedia menerima perubahan untuk penambahbaikan


5 Modal pusingan mencukupi dan lebih terjamin melalui pengurusan kewangan oleh syarikat

PROJEK YANG MAMPAN
DAN BERDAYA SAING


F) PENCAPAIAN PROJEK

i) TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK & KATEGORI PETANI

GRAF 1: TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK



GRAF 2: KATEGORI PETANI




- **56% (5 orang responden) merupakan petani sepenuh masa di mana 2 orang telah mengusahakan projek melebihi 5 tahun.**
- **56% peserta projek telah berusia melebihi umur 56 tahun dan ke atas.**

F) PENCAPAIAN PROJEK (sambungan)

ii) BILANGAN PESERTA YANG MENYERTAI PROJEK PELA

GRAF 3: TABURAN BILANGAN PESERTA MENYERTAI PROJEK PERTANIAN PELA




- Penurunan bilangan peserta pada tahun 2009 disebabkan masalah peningkatan kos pengurusan projek dan kos bahan input di mana urusan pembelian bahan input dan rekod peserta diuruskan oleh agen pengurusan/perunding (*Dynamic Wans Enterprise*) yang dilantik oleh peserta pada tahun 2008 dan 2009.
- Peserta mengambil inisiatif untuk menubuhkan syarikat sendiri bagi mengatasi masalah peningkatan kos pelaksanaan projek.
- Pada tahun 2011 & 2012, terdapat peserta yang telah menarik diri dan juga disingkirkan kerana tidak komited dalam pelaksanaan projek.

F) PENCAPAIAN PROJEK (sambungan)

iii) TABURAN PENDAPATAN BERSIH SEBULAN (RM)

GRAF 4: PENDAPATAN BERSIH SEBULAN HASIL DARIPADA PELAKSANAAN PROJEK DI BAWAH SISTEM PENGURUSAN PELA



- Sehingga tahun 2012, hanya 9 orang peserta yang masih kekal di bawah sistem ini di mana terdapat 2 orang peserta baru dan masih belum berhasil.
- Pendapatan bersih yang diperolehi adalah setelah ditolak modal pusingan seterusnya.

G) ISU/MASALAH PELAKSANAAN & CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

ISU/MASALAH

Serangan penyakit/perosak
peryakit/perosak

Pemasaran dan harga jualan yang rendah

Kos input tinggi

KESAN

Kerugian kepada peserta

Lambakan & kerugian kepada peserta

Peningkatan kos pengeluaran

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN


Memperkemaskan skop khidmat nasihat berkaitan isu/masalah yang dihadapi termasuk penyakit/perosak yang berpotensi dan amalkan APB sepenuhnya

Mewujudkan kontrak pemasaran secara tetap dengan harga yang lebih baik

Menyediakan formulasi baja sendiri bagi mengatasi masalah kos bahan input yang tinggi

H) KEBERKESANAN PELAKSANAAN SISTEM

KEBERKESANAN SISTEM YANG DILAKSANAKAN




SKALA



PERANAN JABATAN PERTANIAN

- 1) Khidmat nasihat pengembangan yang berterusan
- 2) Lawatan pemantauan secara berkala
- 3) Sebagai pemudahcara bagi mendapatkan maklumat pemasaran, jaringan pasaran, kemudahan pinjaman, latihan dan lain-lain.
- 4) Sebagai penyelaras dalam pelaksanaan projek oleh peserta



SWOT ANALYSIS & TOWS MATRIX

SWOT ANALYSIS

MEMBANTU MENCAPAI MATLAMAT

MENGHALANG MENCAPAI MATLAMAT

<p style="text-align: center;"><u>KEKUATAN(S)</u></p> <ol style="list-style-type: none">1. Sokongan teknikal daripada pihak Jabatan Pertanian2. Integriti ahli lembaga syarikat yang tinggi terbukti melalui rekod pengurusan projek yang sistematik.3. Bayaran pinjaman bank oleh peserta lebih terjamin.4. Modal pusingan yang mencukupi.5. Menyediakan formulasi baja dengan kos yang rendah.	<p style="text-align: center;"><u>KELEMAHAN(W)</u></p> <ol style="list-style-type: none">1. Kurang kepercayaan antara peserta dan ahli lembaga syarikat2. Tiada jaminan ke atas peserta jika syarikat dibubarkan.3. Pengeluaran dan kualiti buah yang tidak konsisten4. Disiplin peserta dalam menguruskan projek5. Kesukaran mendapatkan tenaga kerja	DALAMAN
<p style="text-align: center;"><u>PELUANG (O)</u></p> <ol style="list-style-type: none">1. Formulasi baja yang dihasilkan boleh dipatenkan.2. Pasaran yang lebih terjamin melalui syarikat.3. Teknologi semasa dan canggih melalui latihan oleh Jabatan/agensi lain.	<p style="text-align: center;"><u>ANCAMAN(T)</u></p> <ol style="list-style-type: none">1. Persaingan dengan formulasi baja sediaada di pasaran.2. Harga pasaran yang tidak menentu.3. Serangan perosak dan penyakit tanaman4. Bencana alam seperti banjir/kemarau	

TOWS MATRIX

	<p style="text-align: center;"><u>KEKUATAN – S</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sokongan teknikal daripada pihak Jabatan Pertanian 2. Integriti ahli lembaga syarikat yang tinggi terbukti melalui rekod pengurusan projek yang sistematik. 3. Bayaran pinjaman bank oleh peserta lebih terjamin. 4. Modal pusingan yang mencukupi. 5. Menyediakan formulasi baja dengan kos yang rendah. 	<p style="text-align: center;"><u>KELEMAHAN – W</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kurang kepercayaan antara peserta dan ahli lembaga syarikat 2. Tiada jaminan ke atas peserta jika syarikat dibubarkan. 3. Pengeluaran dan kualiti buah yang tidak konsisten 4. Disiplin peserta dalam menguruskan projek 5. Kesukaran mendapatkan tenaga kerja
<p style="text-align: center;"><u>PELUANG – O</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Formulasi baja yang dihasilkan boleh dipatenkan 2. Luang pasaran yang luas. 3. Teknologi semasa dan canggih melalui latihan oleh Jabatan/agensi lain. 	<p style="text-align: center;">SO STRATEGI</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkemaskan khidmat nasihat teknikal dan mengadakan pemantauan secara berkala (S1,O1,O3) 2. Memasarkan formulasi baja dan dijadikan sumber pendapatan syarikat bagi menampung kos input peserta (S3,S4,S5,O1,O2) 3. Mewujudkan kontrak pasaran dengan syarikat/pemborong berdaftar (S2, O2) 	<p style="text-align: center;">WO STRATEGI</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Merangka metrik pengeluaran berdasarkan permintaan semasa dan potensi pasaran (W3, O2) 2. Menambahbaik kontrak (akujanji) antara antara peserta dan ahli lembaga syarikat dengan mewujudkan perjanjian yang menyeluruh mengikut prosedur perundangan (W1,W2,W4,O1,O2) 3. Mengaplikasikan teknologi semasa/ canggih bagi mengurangkan penggunaan tenaga kerja (W5,O3)
<p style="text-align: center;"><u>ANCAMAN – T</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Persaingan dengan formulasi baja sediaada di pasaran. 2. Harga pasaran yang tidak menentu. 3. Serangan perosak dan penyakit tanaman 4. Bencana alam seperti banjir/kemarau 	<p style="text-align: center;">ST STRATEGI</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkemaskan khidmat nasihat teknikal dan mengadakan pemantauan secara berkala (S1,T1,T3) 2. Mempergiatkan promosi bagi formulasi baja yang dihasilkan (S5,T1) 	<p style="text-align: center;">WT STRATEGI</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan kemahiran melalui latihan, menyediakan maklumat pemasaran dan cuaca bagi merancang metrik pengeluaran (W3, T2,T3,T4) 2. Perjumpaan secara berkala bagi mengenalpasti dan mengatasi masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan projek (W1,W2,W3,W4,T3,T4)

STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

1. Memperkemaskan khidmat nasihat teknikal dan mengadakan pemantauan secara berkala.
2. Memasarkan formulasi baja dan dijadikan sumber pendapatan syarikat bagi menampung kos input peserta.
3. Mewujudkan kontrak pasaran dengan syarikat/pemborong berdaftar.
4. Merangka metrik pengeluaran berdasarkan permintaan pasaran dan potensi pasaran.
5. Menambahbaik kontrak (akujanji) antara peserta dan ahli lembaga syarikat dengan mewujudkan perjanjian yang menyeluruh mengikut prosedur perundangan.
6. Mengaplikasikan teknologi semasa/canggih bagi mengurangkan penggunaan tenaga kerja.
7. Mempromosi baja yang diformulasi sendiri untuk dijual kepada petani luar.
8. Meningkatkan kemahiran melalui latihan, menyediakan maklumat pasaran dan cuaca bagi merancang metrik pengeluaran.
9. Mengadakan perjumpaan berkala bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan projek.

LESSON LEARNT

1. Meningkatkan khidmat sokongan seperti latihan pengurusan, keusahawanan, teknikal serta transformasi minda oleh Jabatan/Agensi kerajaan yang terlibat bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek.
2. Menambahbaik metrik pengeluaran oleh peserta bagi menjamin pulangan hasil yang maksimum dan berterusan berdasarkan permintaan dan potensi pasaran

- 1) Sistem pengurusan yang berpusat dan terancang merupakan faktor utama yang menjadikan projek ini berterusan (sustain)
- 2) Peranan agen pengembangan yang aktif dan kerjasama ahli lembaga dalam pelaksanaan projek memantapkan sistem pengurusan.

Pihak Pengurusan Jabatan Pertanian dipohon untuk mengambil maklum laporan penilaian ini dan menimbang cadangan-cadangan yang dikemukakan.

TERIMA KASIH

